

## **Aplikasi Asas al-Jarḥ wa al-Ta'dīl dalam Kalangan Ṣaḥābiyyāt: Analisis Peranan Isteri Nabi SAW Sebagai Juru Tahqīq Riwayat**

*[The Application of the Foundations of al-Jarḥ wa al-Ta'dīl  
Among the Ṣaḥābiyyāt: An Analysis of the Role of the Prophet's  
Wives (PBUH) as Verifiers of Narrations]*

**Siti Nuroni Mohamed<sup>1</sup>, Sabirin Yusoff<sup>2</sup>, Nur Aina Mardhiah Che  
Rahim<sup>3</sup>, Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail<sup>4</sup>, Kamariah Abd Rahman<sup>5</sup> &  
Siti Nurwanis Mohamed<sup>6</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kota Bharu, Malaysia, nuroni@kias.edu.my/ nuroni.mohamed@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kota Bharu, Malaysia, zaim@kias.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kota Bharu, Malaysia, nurainamardhiah@kias.edu.my

<sup>4</sup> Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kota Bharu, Malaysia, nsapuan@kias.edu.my

<sup>5</sup> Faculty of Syariah and Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College University, 15730, Kota Bharu, Malaysia, kamariah@kias.edu.my

<sup>6</sup> Department of Al-Quran and Al-Hadith, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, ctnurwanis@gmail.com

### **ABSTRACT**

*This study traces the application of the foundational science of al-Jarḥ wa al-Ta'dīl among the Ṣaḥābiyyāt, with a specific focus on the methodology of the Ummahāt al-Mu'minīn as verifiers of narrations. Prevailing academic discourse frequently categorizes the role of female narrators merely as transmitters of memorized texts, thereby marginalizing their critical aptitude in evaluating the authenticity of the content, whereas gender bias in hadith historiography has further distorted scholarly enquiry into the framework of 'ilm al-rijāl in its entirety. Accordingly, this qualitative study employs a document analysis design grounded in thematic and hermeneutic approaches on authoritative hadith sources to identify and analyze the methodological framework utilized by the wives of the Prophet (PBUH). The research findings demonstrate that prominent figures such as Sayyidatina 'Aishah and Ummu Salamah (RA) pioneered comprehensive instruments for hadith evaluation, encompassing cross-referencing with the Quran, rational deduction, assessing the consistency of retention, as well as the objective correction of factual errors made by other narrators, completely devoid of emotional sentiment. Theoretically, these*

*findings suggest that the epistemological framework of al-Jarḥ wa al-Ta'dīl was not constructed exclusively within a male scholarly domain; rather, it was structured from its earliest phase through the systematic methodological authority of the Ummahāt al-Mu'minīn, firmly rooted in their direct engagement with the source of revelation. In conclusion, this study highlights a paradigm shift regarding the stature of the Ṣaḥābiyyāt; rather than being passive narrators, they were authoritative experts who established the practical foundations of hadith criticism methodology, thereby necessitating a critical reassessment of the prevailing narrative surrounding the construction of 'ilm al-rijāl in mainstream Islamic historiography.*

**Keywords:** *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl; Hadith Criticism; 'Ilm al-Rijāl; Female Companions; Hadith Methodology*

---

### ABSTRAK

Kajian ini menelusuri aplikasi asas ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dalam kalangan *Ṣaḥābiyyāt*, dengan penumpuan khusus terhadap metodologi *Ummahāt al-Mu'minīn* sebagai juru *tahqīq* riwayat. Kelaziman wacana akademik sering mengklasifikasikan peranan perawi wanita sekadar penyampai teks hafalan, sekaligus meminggirkan keupayaan kritikal mereka dalam menilai keabsahan matan. Sehubungan itu, kajian kualitatif ini mengaplikasikan reka bentuk analisis dokumen berasaskan pendekatan tematik dan hermeneutik terhadap sumber-sumber hadis muktabar bagi mengenal pasti dan menganalisis kerangka metodologi yang diguna pakai oleh isteri-isteri Nabi SAW. Dapatan kajian membuktikan bahawa tokoh seperti 'Aishah dan Ummu Salamah RA telah merintis instrumen penilaian hadis yang komprehensif, merangkumi rujukan silang bersandarkan al-Quran, qiyas rasional, ujian konsistensi ingatan serta pembedaan ralat fakta perawi lain secara objektif tanpa dipengaruhi sentimen emosi. Secara teoritikal, dapatan ini mencadangkan bahawa kerangka epistemologi *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* tidak terbina secara eksklusif dalam ruang keilmuan lelaki, sebaliknya telah distrukturkan sejak peringkat awalnya melalui autoriti metodologi *Ummahāt al-Mu'minīn* yang bersifat sistematik dan berakar pada interaksi langsung dengan sumber wahyu. Kesimpulannya, kajian ini menonjolkan anjakan paradigma terhadap kedudukan *Ṣaḥābiyyāt* bukan sekadar perawi pasif, bahkan pakar rujuk yang membentuk landasan metodologi kritikan hadis secara praktikal, sekali gus menuntut penilaian semula terhadap naratif pembinaan *'ilm al-rijāl* dalam historiografi Islam arus perdana.

**Kata Kunci:** *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl; Juru Tahqīq; Riwayat; Ilmu Rijal; Ummahāt al-Mu'minīn; Metodologi Hadis*

#### How to Cite:

Received : 11.08.2026  
Revised : 05.05.2026  
Accepted : 09.05.2026  
Published : 31.05.2026

Mohamed, S. N., Yusoff, S., Che Rahim, N. A. M., Tuan Ismail, T. M. S., Abd Rahman, K., & Mohamed, S. N. (2026). Aplikasi Asas Al-Jarḥ wa Al-Ta'dīl Dalam Kalangan Ṣaḥābiyyāt: Analisis Peranan Isteri Nabi SAW Sebagai Juru Tahqīq Riwayat. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 7(1), 46–67

## 1. Pendahuluan

Sunnah Rasulullah SAW merupakan sumber perundangan Islam yang kedua selepas kitab suci al-Quran. Pasca kewafatan Baginda SAW, usaha pemeliharaan dan kesinambungan periwayatan hadis menuntut kerangka metodologi yang jitu bagi memastikan keabsahan setiap teks serta rantaian penyampainya (Muheji et al., 2025). Tuntutan ini seterusnya mencambahkan satu disiplin ilmu komprehensif yang dikenali sebagai ilmu *Rijāl al-Ḥadīth*. Teras utama disiplin ini didasari oleh ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, iaitu ilmu kritikan dan penarafan perawi (Imaduddin & Akbar, 2023). Walaupun ilmu ini telah berkembang sebagai mekanisme kawalan kualiti yang ketat dalam tradisi hadis, perbincangan mengenainya sering tertumpu kepada proses formal oleh ulama *muta'akhhirīn*, sekali gus mengabaikan dimensi tindakan awal yang telah diaplikasikan oleh generasi sahabat sebagaimana yang tercatat dalam sumber primer.

Menelusuri lipatan sejarah tradisi keilmuan Islam, wacana akademik lazimnya didominasi oleh penonjolan peranan tokoh lelaki dari sudut ijtihad, pengeluaran fatwa dan pembinaan hukum (Yaacob, 2025). Dominasi ini bukan sekadar fenomena historiografi, tetapi mencerminkan bias epistemik yang telah membentuk persepsi terhadap autoriti keilmuan dalam tradisi Islam. Rentetan itu, sumbangan golongan perawi wanita atau *Ṣaḥābiyyāt*, khususnya *Ummahāt al-Mu'minīn*, sering difahami melalui kerangka interpretatif yang reduksionis dan tidak mencerminkan kompleksiti sebenar peranan mereka. Naratif penulisan sejarah terdahulu kerap mengklasifikasikan mereka sekadar ejen penyampai maklumat pasif yang hanya meriwayatkan *aḥwāl khāṣṣah* iaitu hal-hal khusus yang berlaku dalam lingkungan Nabi SAW (Ginting et al., 2024).

Kecenderungan ini turut diwarisi dalam wacana keilmuan moden. Tinjauan terhadap beberapa kajian mutakhir mendapati bahawa para pengkaji kontemporari masih memfokuskan sumbangan isteri-isteri Nabi SAW dari sudut pandang pembinaan institusi keluarga (Abdullah et al., 2017; Hamisan, 2019; Anwar, 2023) dan fiqh kekeluargaan semata-mata (Hamisan & Khosim, 2022; Zuadah, 2023). Walau bagaimanapun, pendekatan ini cenderung mengurung peranan *ṣaḥābiyyāt* dalam ruang domestik, sekali gus mengabaikan dimensi epistemologi yang lebih luas dalam tradisi hadis. Sehingga kini, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara sistematik bagaimana *ṣaḥābiyyāt* mengaplikasikan prinsip-prinsip awal *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dalam konteks penilaian riwayat.

Realitinya, fakta sejarah membuktikan bahawa para isteri Nabi SAW seperti 'Aishah RA, Ummu Salamah RA, Zaynab RA serta tokoh isteri Baginda yang lain bukan sekadar periwayat yang produktif, malahan mereka merupakan pakar rujuk dan juru *tahqīq* riwayat yang sangat prolific. Interaksi

serta asimilasi mereka secara langsung dan berterusan bersama-sama Rasulullah SAW memberikan kelebihan eksklusif dalam memahami *sabab al-wurūd* (konteks sebenar sesuatu sabdaan mahupun perbuatan Baginda SAW). Keistimewaan ini diterjemahkan melalui keupayaan mereka mempraktikkan asas ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl* pada peringkat paling awal. Mereka memperlihatkan pembentukan autoriti epistemik yang berasaskan ketelitian analitis, rasionaliti ilmiah serta integriti keilmuan yang tinggi. Perkara ini merangkumi teguran rasional terhadap para sahabat besar yang berstatus *thiqah* dan *'adil* (Iskandar, 2015).

Bertitik tolak daripada kelompangan kajian tersebut, artikel ini digarap bertujuan untuk menganalisis secara kritis peranan strategik para isteri Nabi SAW sebagai juru *tahqīq* riwayat. Perbincangan akan mengkaji dan menganalisis kerangka metodologi kritikan yang diaplikasikan oleh mereka seperti mekanisme rujukan silang hadis dengan nas al-Quran, pemurnian riwayat melalui logik rasional akal serta qiyas dan pemisahan sentimen emosi dalam menjustifikasikan sesuatu ketetapan hukum. Melalui analisis tersebut, kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk menilai semula peranan *ṣahābiyyāt* dalam tradisi periwayatan, tetapi turut mencadangkan kerangka alternatif dalam memahami evolusi epistemologi ilmu kritik hadis. Amalan ini menunjukkan bahawa proses kritik hadis tidak bermula secara formal dalam era kodifikasi, sebaliknya telah berakar dalam praksis sahabat, khususnya dalam kalangan *Ummahāt al-Mu'minīn*, sebagaimana yang tercatat dalam sumber primer. Penemuan ini berpotensi merombak naratif dominan dalam historiografi hadis yang selama ini meminggirkan sumbangan intelektual wanita dalam pembinaan *'ilm al-rijāl*.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini mengguna pakai reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan secara tekstual (Krippendorff, 2018). Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, prosedur kajian distrukturkan kepada tiga (3) fasa utama seperti berikut:

### 2.1 Prosedur Pengumpulan Data dan Kriteria Pemilihan

Data dikumpul melalui teknik analisis dokumen terhadap sumber primer dan sekunder. Kriteria pemilihan teks difokuskan kepada riwayat yang mengandungi elemen *istidrāk* (pembetulan), *naqd* (kritikan) dan *mu'āraḍah* (percanggahan dalil) yang melibatkan *Ummahāt al-Mu'minīn*. Sumber primer utama melibatkan naskhah *al-Ijābah limā Istadrakat 'Aishah 'alā al-Ṣahābah* oleh al-Zarkashī dan *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī bagi memastikan konteks riwayat adalah tepat.

## 2.2 Penganalisisan Data dan Skema Pengekodaan

Data dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis tematik berteraskan model Braun dan Clarke (2006). Proses ini melibatkan fasa pembentukan kod awal daripada teks riwayat, yang kemudiannya dikategorikan kepada tema-tema metodologi. Jadual 1 menunjukkan skema pengekodan yang diaplikasikan:

Jadual 1: Skema Pengekodan Metodologi Kritikan Hadis *Ummahāt al-Mu'minīn*

No.	Kod Awal	Tema Metodologi
1.	Perbandingan teks dengan ayat al-Quran	<i>'Arḍ al-Sunnah 'alā al-Qur'ān</i>
2.	Penggunaan logik, analogi dan hukum akal	Qiyas Rasional & Logik
3.	Ujian pengulangan hafalan, semakan ketekalan memori	Ujian Konsistensi Dabt
4.	Pembetulan ralat fakta, penetapan kronologi ( <i>nasakh</i> )	<i>Taṣḥīḥ al-ghalaṭ</i>

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

## 2.3 Triangulasi Data dan Kesahan

Bagi meningkatkan kesahan dapatan, kajian ini mengaplikasikan triangulasi sumber. Setiap kes kritikan yang dikenal pasti dalam karya al-Zarkashī disemak silang dengan rujukan *Rijāl al-Hadīth* yang lain seperti *Tahdhīb al-Tahdhīb* oleh Ibn Hajar dan *Siyar A'lām al-Nubalā'* oleh al-Dhahabī. Kaedah semakan silang antara analisis riwayat dan dirayah ini merupakan prosedur piawai dalam pengesahan riwayat hadis (Mohd Yusoff & Ahmad, 2021), yang bertujuan untuk memastikan status naratif sejarah tersebut adalah tekal dan diiktiraf oleh sarjana hadis arus perdana, sekali gus meminimumkan bias interpretasi pengkaji (Yin, 2018).

## 3. Hasil Kajian

Analisis ke atas sumber sejarah dan himpunan teks hadis mendapati bahawa para isteri Rasulullah SAW telah mempraktikkan pelbagai instrumen kawalan kualiti yang sangat komprehensif dalam menyaring sesuatu periwayatan. Sebagai konteks asas penyelidikan, Jadual 2 merumuskan demografi dan kapasiti periwayatan tokoh-tokoh *Ummahāt al-Mu'minīn* yang dinilai dalam wacana ini:

Jadual 2: Kapasiti Periwayatan dan Latar Belakang *Ummahāt al-Mu'minīn*

No.	Nama Tokoh (Kunyah/Gelaran)	Tahun Wafat (Hijrah)	Kapasiti Riwayat (Hadis)
1.	'Aishah binti Abī Bakr	58	2,210

2.	Ummu Salamah (Hind binti Abī Umayyah)	63	378
3.	Maymūnah binti al-Ḥārīth	51/61	58
4.	Ḥafṣah binti ‘Umar al-Khaṭṭāb	41/45	58
5.	Ummu Ḥabībah (Ramlah binti Abī Sufyān)	44	61
6.	Zaynab binti Jahsh	20	8
7.	Ṣafīyyah binti Huyay	50	8
8.	Juwayriyah binti al-Ḥārīth	56	4
9.	Sawdah binti Zam’ah	54	2

(Sumber: Adaptasi daripada al-Dhahabī, 2003; Ibrāhīm, 2007)

Berdasarkan demografi di atas, kerangka instrumen kritikan mereka selari dengan asas ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* yang menumpukan penilaian pada aspek integriti perawi (*‘adālah*) serta kejituan memori (*ḍabt*). Dapatan kajian ini dikelaskan kepada lima pendekatan metodologi utama seperti perincian di bawah:

### 3.1 Ujian Silang Riwayat Bersandarkan Nas al-Quran dan Sunnah

Dapatan pertama menunjukkan bahawa ‘Aishah RA bertindak sebagai pelopor dalam menetapkan metodologi kritikan matan (ilmu *dirāyah*). Beliau meletakkan nas *qaṭ’ī*, iaitu kitab suci al-Quran dan kelaziman perbuatan baginda sebagai instrumen penapis utama untuk mengesahkan kesahihan lafaz sesuatu khabar (al-Zarkashī, 2001). Pendekatan kritikal ini dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Metodologi Kritikan Matan Berasaskan Rujukan Silang al-Quran dan Sunnah

Kes Kritikan	Riwayat yang Dikritik (Teks Sasaran)	Mekanisme Penolakan/Hujah Rasional
Kes 1: Seksaan Mayat	Riwayat ‘Umar bin al-Khaṭṭāb RA: إِنَّ الْمَيِّتَ لَيُعَذَّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ عَلَيْهِ Terjemahan: Sesungguhnya mayat itu sungguh akan diazab disebabkan oleh tangisan ahli keluarganya ke atasnya.” [ <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> , no. hadis: 1287; <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> , no. hadis: 927]	Rujukan Silang al-Quran. ‘Aishah RA menolak pemahaman ini kerana ia bercanggah dengan rasional keadilan mutlak al-Quran: ﴿... وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ...﴾ ١٦٤ Terjemahan: ...Dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahnya sahaja)... (Surah al-An’ām, 6:164).
Kes 2: Batalnya Solat	Riwayat Sahabat: يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْءُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ Terjemahan: Solat seseorang akan terputus sekiranya anjing, keldai	Rujukan Silang Sunnah ( <i>‘amaliyyah</i> ). ‘Aishah RA menolak kefahaman tersebut dengan hujah rasional bersandarkan pemerhatian amalan sebenar Nabi SAW:

dan wanita melintas di hadapannya.”  
 [Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 511]

بَسَمًا عَدْتُمُونَا بِالْكَلْبِ وَالْحِمَارِ، لَقَدْ رَأَيْتُنِي  
 وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُصَلِّي، وَأَنَا مُعْرَضَةٌ بَيْنَهُ وَبَيْنَ  
 الْقِبْلَةِ

Terjemahan: Alangkah buruknya kamu menyamakan kami (wanita) dengan anjing dan keldai. Sesungguhnya aku pernah melihat diriku dan Rasulullah SAW sedang bersolat, sedangkan aku tidur melintang di antara Baginda dengan arah kiblat.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 519]

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

Berdasarkan Jadual 3 (Kes 1), metodologi ini dapat dibuktikan secara tuntas apabila beliau menolak riwayat ‘Umar bin al-Khattāb RA yang menyatakan bahawa mayat akan diazab disebabkan tangisan keluarganya. ‘Aishah RA membetulkan pemahaman tersebut kerana matan riwayat itu bercanggah secara zahir dengan kerangka perundangan al-Quran, khususnya Firman Allah SWT dalam Surah al-An’ām, ayat 164 yang menegaskan prinsip keadilan mutlak bahawa seseorang individu tidak memikul dosa pihak lain (Ibn Hajar, 1989). Tindakan ini menetapkan satu anjakan epistemologi bahawa rantai sanad yang sahih belum cukup untuk menghujahkan sesuatu matan sekiranya riwayat tersebut bertembung dengan nas wahyu yang lebih tinggi hierarkinya.

Selain rujukan silang bersandarkan al-Quran, *Ummahāt al-Mu’minīn* turut mempraktikkan sintesis sunnah dengan membandingkan sesuatu riwayat secara langsung dengan amalan perbuatan sebenar Rasulullah SAW (Fawzi, 2001). Seperti yang dapat diperhatikan pada Jadual 3 (Kes 2), ‘Aishah RA tampil menyangkal khabar yang menyamakan kedudukan wanita dengan haiwan tertentu dan kononnya memutuskan solat jika melintas di hadapan orang yang sedang mendirikan ibadah tersebut. Beliau menolak kefahaman riwayat ini bersandarkan pengalaman serta pemerhatiannya sendiri apabila beliau sering berada di hadapan Nabi SAW sewaktu Baginda sedang mendirikan solat (al-Zarkashī, 2001). Metodologi penilaian percanggahan ini menekankan betapa pentingnya usaha mengelakkan pengambilan sesuatu hadis secara semberono tanpa meneliti kelaziman amalan (*sunnah ‘amaliyyah*) yang dipraktikkan secara konsisten oleh Baginda SAW.

### 3.2 Aplikasi Logik Rasional dan Penilaian Qiyās

Di samping rujukan silang berasaskan nas perundangan, *Ummahāt al-Mu’minīn* tidak teragak-agak untuk menggunakan kaedah *qiyās* dan rasional

akal yang sihat bagi menilai kelogikan sesuatu teks (Fawzi, 2001). Pendekatan kritikan matan sebegini selari dengan kerangka konseptual yang digariskan dalam tradisi ilmu hadis klasik, di mana penilaian terhadap kesahihan lafaz sesuatu riwayat menuntut kefahaman mendalam terhadap konteks dan strukturnya (Dzulraidi, 2024). Metodologi ini dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Metodologi Kritikan Berasaskan Logik Rasional dan Penilaian Qiyās

Kes Kritikan	Riwayat yang Dikritik (Teks Sasaran)	Mekanisme Penolakan/Hujah Rasional
Kes 3: Kewajipan Wuduk Selepas Mengangkat Mayat	Riwayat Abū Hurayrah RA: مَنْ غَسَلَ الْمَيِّتَ فَلَيْسَ بِسَلِيمٍ، وَمَنْ حَمَلَهُ فَلَيْتَوَضَّأَ Terjemahan: Sesiapa yang memandikan mayat, maka hendaklah dia mandi, dan sesiapa yang memikulnya, maka hendaklah dia mengambil wuduk. [Sunan Abī Dāwūd, no. hadis: 3161. Dinilai ṣaḥīḥ oleh al-Albānī]	Aplikasi Logik dan Qiyās: أَوْ نَجَسَ مَوْتَى الْمُسْلِمِينَ؟ وَمَا عَلَى رَجُلٍ لَوْ حَمَلَ عُودًا؟ Terjemahan: Adakah mayat orang-orang Islam itu najis? Dan apakah (kewajipan wuduk) ke atas seseorang sekiranya dia mengangkat sebatang kayu? (al-Zarkashī, 2001)

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

Berdasarkan Jadual 4, metodologi ini dibuktikan apabila ‘Aishah RA menyangkal keras kefahaman riwayat Abū Hurayrah RA yang seolah-olah mewajibkan pembaharuan wuduk bagi mana-mana individu yang mengangkat mayat. Justeru, dalam menjustifikasikan penolakannya, beliau telah menggunakan hujah *qiyās* logik dengan mempersoalkan kewujudan status najis pada jasad penganut Islam yang telah meninggal dunia. Beliau membina analogi rasional dengan membandingkan situasi menyentuh jasad mayat tersebut dengan perbuatan mengangkat seketul kayu yang kering (Al-Zarkashi, 2001). Hujah intelektual ini telah berjaya mematahkan sandaran riwayat yang dilihat rapuh dari sudut rasionaliti *fiqh*.

Keberanian mengaplikasikan logik berpandukan prinsip Islam ini membuktikan bahawa penerimaan sesuatu hadis menuntut tahap kefahaman *fiqh* yang sangat syumul. *Ummahāt al-Mu’minīn* meletakkan penanda aras bahawa fungsi seorang perawi bukanlah sekadar memindahkan rantaian sanad secara taklid buta tanpa penelitian terhadap konteks makna. Sebaliknya, keupayaan mereka menggabungkan kekuatan hafalan dengan kemahiran menaakul membolehkan teks hadis difahami selari dengan kesesuaian akal yang berpandukan wahyu. Pendekatan ini seterusnya menjadi warisan rujukan yang sangat kritikal bagi generasi ulama *uṣūl al-fiqh* dalam merungkai teks-

teks riwayat yang kelihatan ganjil atau janggal dari sudut pemahaman akal manusia.

### 3.3 Pengesahan Tahap Ingatan dan Pembetulan Ralat Fakta

Dapatan turut menonjolkan ketelitian para srikandi terbilang ini dalam menjalankan ujian kompetensi bagi mengesahkan kekuatan hafalan perawi yang lain serta memperbetul kesilapan fakta. Pendekatan metodologi pengesahan memori dan pembetulan ralat ini dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Metodologi Pengesahan Tahap Ingatan dan Pembetulan Ralat Fakta

Kes Kritikan	Riwayat yang Dikritik (Teks Sasaran)	Mekanisme Rasional	Penolakan/Hujah
Kes 4: Ujian Ketekalan Ingatan	Riwayat ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA: <p>إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ النَّاسِ، وَلَكِنَّ يَقْبِضُ الْعِلْمَ يَقْبِضُ الْعُلَمَاءِ</p> <p>Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu itu dengan menghilangkannya secara terus daripada manusia, tetapi Allah mencabut ilmu itu dengan mematikan para ulama.”            [Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 100; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 2673]</p>	Hujah Ujian Konsistensi: ‘Aishah RA menolak untuk menerima riwayat ini secara terus sehinggalah perawi diuji ketekalan hafalannya dengan mengulangi riwayat yang sama setahun kemudian.	
Kes 5: Pembetulan Ralat Fakta	Fatwa Abū Hurayrah RA: <p>مَنْ أَصْبَحَ جُنُبًا فَلَا صَوْمَ لَهُ</p> <p>Terjemahan: Sesiapa yang masuk waktu Subuh dalam keadaan berjunub, maka tiada puasa baginya (puasanya tidak sah).            (Muwaḥḥā’ Mālik, no. hadis: 11)</p>	Pembetulan Fakta Berasaskan Kesaksian Langsung: ‘Aishah RA dan Ummu Salamah RA menolak fatwa tersebut bersandarkan pengalaman peribadi: <p>كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُدْرِكُهُ الْفَجْرُ فِي رَمَضَانَ وَهُوَ جُنُبٌ مِنْ غَيْرِ حُلْمٍ، فَيَغْتَسِلُ وَيَصُومُ</p> <p>Terjemahan: Nabi SAW pernah mendapati waktu fajar telah masuk pada bulan Ramadan dalam keadaan Baginda berjunub bukan kerana mimpi (tetapi kerana bersama isteri), lalu Baginda mandi wajib dan berpuasa.</p> <p>[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadis: 1930; Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadis: 1109]</p>	

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

Berdasarkan Jadual 5 (Kes 4), metodologi ujian konsistensi rentas masa ini sangat menonjol melalui tindakan ‘Aishah RA yang sengaja menguji ketekalan ingatan ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Āṣ RA berhubung dengan hadis “Allah mencabut ilmu dengan mematikan para ulama”. Bagi menentusahkan kredibiliti penyampai tersebut, beliau telah mengutus anak saudaranya, iaitu ‘Urwah RA, untuk meminta ‘Abd Allāh RA mengulang kembali riwayat yang sama setahun kemudian. Apabila teks tersebut berjaya diulang tanpa sebarang perubahan lafaz, barulah ‘Aishah RA mengiktiraf kesahihannya (Fawzi, 2001). Hal ini merupakan aplikasi praktikal disiplin pengesahan memori yang paling awal sebelum wujudnya ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* secara formal.

Di samping pengujian memori, seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5 (Kes 5), *Ummahāt al-Mu’minīn* memainkan peranan penting sebagai penegur berwibawa bagi membetulkan kesilapan fakta (*ghalaṭ*) yang dilakukan secara tidak sengaja oleh para sahabat besar. Ummu Salamah RA, bersama-sama dengan ‘Aishah RA, pernah bertindak menolak fatwa Abū Hurayrah RA berkenaan dengan ketidaksahan ibadah puasa bagi individu yang masuk waktu subuh dalam keadaan berhadass besar. Teguran dan penolakan ini disandarkan kepada pengalaman langsung mereka bersama-sama Rasulullah SAW, yang akhirnya menyebabkan Abū Hurayrah RA akur dan menarik balik fatwanya secara terbuka. Insiden ini mengangkat satu lagi prinsip teras keilmuan *Rijāl al-Ḥadīth*, iaitu penyaksian individu yang menempuh situasi secara langsung (*mubāshir*) memegang autoriti perundangan yang jauh lebih utuh berbanding dengan perawi yang memperoleh khabar melalui perantaraan (Al-Nawawī, 1997).

### 3.4 Autoriti Pemeliharaan Riwayat *Aḥwāl Khāṣṣah*

Kajian mengenal pasti bahawa *Ummahāt al-Mu’minīn* memonopoli autoriti penyampaian yang mutlak bagi ketetapan hukum yang melibatkan ruang lingkup peribadi, hal ehwal rumah tangga dan urusan fitrah kewanitaan (*aḥwāl khāṣṣah*). Situasi ini meletakkan mereka pada kedudukan pakar rujuk yang tiada tandingannya. Metodologi pemeliharaan riwayat khusus ini dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Metodologi Penolakan Ambiguiti dan Kekeliruan dalam Riwayat *Aḥwāl Khāṣṣah*

Kes Kritikan	Riwayat yang Dikritik (Teks Sasaran)	Mekanisme Penolakan/Hujah Rasional
Kes 6: Prosedur Mandi Wajib	Andaian Umum Tatacara Mandi Wajib masyarakat yang samar atau tidak jelas mengenai langkah praktikal	Penolakan melalui Perincian Visual: Maymūnah RA menolak kesamaran dengan hujah kesaksian langsung, memperincikan setiap pergerakan fizikal Nabi SAW secara kronologi.

mandi wajib yang sempurna menurut sunnah.

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)

أَدْنَيْتُ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ غُسْلُهُ مِنَ الْجُنَابَةِ، فَعَسَلَنَ كَفَيْهِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا، ثُمَّ أَدَخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ، ثُمَّ أَفْرَغَ بِهِ عَلَيَّ فُرْجِي، وَعَسَلَنِي بِشِمَالِهِ، ثُمَّ ضَرَبَ بِشِمَالِهِ الْأَرْضَ، فَذَلَّكَهَا ذَلْكًَا شَدِيدًا، ثُمَّ تَوَضَّأَ وُضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ، ثُمَّ أَفْرَغَ عَلَيَّ رَأْسَهُ ثَلَاثَ حَفَنَاتٍ مِنْ كَفَيْهِ، ثُمَّ عَسَلَنَ سَائِرَ جَسَدِي، ثُمَّ تَنَحَّى عَنِّي مَقَامِهِ ذَلِكَ، فَعَسَلَنَ رِجْلَيْهِ، ثُمَّ أَتَيْتُهُ بِالْمِنْدِيلِ فَرَدَّهُ.

Terjemahan: Aku telah menyediakan air mandi junub untuk Rasulullah SAW. Maka, Baginda membasuh kedua-dua belah telapak tangannya sebanyak dua atau tiga kali. Selepas itu, Baginda memasukkan tangannya ke dalam bekas air, lalu menuangkan air ke atas kemaluannya dan membasuhnya dengan menggunakan tangan kiri. Kemudian, Baginda menepuk tangan kirinya ke tanah dan menggosoknya dengan kuat. Seterusnya, Baginda mengambil wuduk sepertimana wuduk untuk mendirikan solat. Kemudian, Baginda menyiramkan air ke atas kepalanya dengan tiga kali cedokan sepenuh tapak tangan, lalu membasuh seluruh tubuh badannya. Selepas itu, Baginda beralih dari tempat berdirinya itu, lalu membasuh kedua-dua belah kakinya. Kemudian, aku membawakan sehelai kain kepada Baginda, namun Baginda menolaknya.

[*Sahih Muslim*, no. hadis: 317]

Kes 7: Kefahaman Umum Solat  
Kronologi Sunat Duduk:  
Ibadah Andaian atau kekeliruan riwayat luar bahawa solat sunat secara duduk diamalkan oleh Nabi SAW secara berterusan (isu Nāsikh/Mansūkh).

Penolakan melalui Rekod Masa:  
Ḥafṣah RA menolak kekeliruan tersebut dengan menetapkan rasional garis masa yang jelas, iaitu “setahun atau dua tahun sebelum wafat”.

لَمْ أَرِ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يُصَلِّي فِي سُبْحَتِهِ جَالِسًا قَطُّ، حَتَّى إِذَا كَانَ قَبْلَ مَوْتِهِ بِعَامٍ، أَوْ بِعَامَيْنِ، فَكَانَ "يُصَلِّي فِي سُبْحَتِهِ جَالِسًا، وَيَقْرَأُ السُّورَةَ فَيَرْتُلُّهَا، حَتَّى تَكُونَ أَطْوَلَ مِنْ أَطْوَلَ مِنْهَا

Terjemahan: Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW menunaikan solat sunat secara duduk sama sekali, sehinggalah setahun atau dua tahun sebelum kewafatan Baginda. (Pada waktu itu), Baginda menunaikan solat sunatnya secara duduk, dan Baginda membaca sesuatu surah lalu mentartilkannya

(membacanya dengan tertib dan jelas) sehinggakan surah tersebut terasa lebih panjang daripada surah lain yang (sebenarnya) lebih panjang daripadanya

[*Musnad Ahmad*, no. hadis: 26411]

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

Berdasarkan Jadual 6 (Kes 6), Maymūnah RA mempamerkan kewibawaannya dalam menolak sebarang keraguan berhubung kaedah bersuci. Beliau merungkaikan sifat sebenar mandi wajib Rasulullah SAW secara terperinci bagi menepis pemahaman yang umum atau samar. Kapasiti beliau sebagai saksi langsung yang menyediakan air mandian tersebut membolehkan beliau menolak ambiguiti ruang peribadi dan mengubahnya menjadi khazanah *fiqh* yang sahih (Al-Mizzī, 1983).

Manakala dalam Jadual 6 (Kes 7), Ḥafṣah RA bertindak menolak kekeliruan maklumat kronologi perundangan yang sering berlaku dalam penerimaan hadis. Ketelitian intelektual beliau berjaya merekodkan perubahan berkala rutin ibadah Baginda SAW, sekali gus menolak andaian bahawa amalan tersebut bersifat kekal sejak awal. Rekod penolakan terhadap kekeliruan garis masa ini merupakan kunci penting bagi ulama mutakhir dalam menyelesaikan polemik penyelarasan hukum *nāsikh* dan *mansūkh*. Tahap ketelitian pemerhatian kelakuan (*dabṭ al-'amal*) sebegini berjaya membetulkan persepsi perawi luar yang tidak memiliki akses kepada ruang peribadi Nabi SAW (Khālid, 2002 ; al-Subkī, 1992)

### 3.5 Integriti Perawi Melalui Pemisahan Sentimen Emosi

Asas keadilan ('*adālah*) tertinggi seseorang penyampai terbukti menerusi kematangan memisahkan sentimen emosi peribadi demi menegakkan kebenaran ilmiah. Pemeliharaan integriti perawi yang bebas daripada unsur prejudis dan emosi ini dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Metodologi Pemurnian Integriti Melalui Pemisahan Sentimen Emosi

Kes Kritikan	Riwayat yang Dikritik (Teks Sasaran)	Mekanisme Penolakan / Hujah Rasional
Kes 8: Kesaksian Semasa Fitnah	Tuduhan Palsu ( <i>Ḥadīth al-Ifk</i> ): Khabar angin yang dibawa oleh golongan munafik bagi menjatuhkan maruah 'Aishah RA.	Penolakan Persaingan ( <i>Tazkiyah</i> ): Zaynab RA menolak khabar angin tersebut dengan hujah penyucian pihak lawan, mengekalkan objektiviti berbanding melayan emosi.  وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يُسْأَلُ زَيْنَبَ بِنْتَ جَحْشٍ عَنْ أَمْرِي، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَعْجِي يَا زَيْنَبُ، مَا عَلِمْتِ مَا رَأَيْتِ"، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَعْجِي

سَمِعِي وَبَصْرِي، وَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ عَلَيْهَا إِلَّا خَيْرًا، قَالَتْ: وَهِيَ الَّتِي  
كَانَتْ تُسَامِينِي، فَعَصَمَهَا اللَّهُ بِالْوَرَعِ

Terjemahan: (‘Aishah berkata): Rasulullah SAW pernah bertanya kepada Zaynab binti Jahsy mengenai urusanku. Lalu Baginda bersabda: “Wahai Zaynab, apakah yang engkau ketahui dan apakah yang engkau lihat?” Maka dia (Zaynab) menjawab: “Wahai Rasulullah, aku memelihara pendengaran dan penglihatanku. Demi Allah, aku tidak mengetahui mengenai dirinya melainkan kebaikan.” ‘Aishah berkata: “Sedangkan dialah satu-satunya isteri (Nabi) yang sering bersaing denganku, namun Allah telah memeliharanya dengan sifat warak”.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 2661]

Kes 9: Amalan Tradisi  
Tempoh Berkabung: Penolakan Praktikal (*Tatbīq*):  
Perkabungan Kefahaman atau Ummu Ḥabībah RA menolak tradisi tersebut secara fizikal dengan sengaja memakai wangian untuk memberikan hujah praktikal keluhuran syarak.

Penolakan Praktikal (*Tatbīq*):  
Ummu Ḥabībah RA menolak tradisi tersebut secara fizikal dengan sengaja memakai wangian untuk memberikan hujah praktikal keluhuran syarak.

لَا يَجِلُّ لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، أَنْ تُحِدَّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ  
ثَلَاثِ، إِلَّا عَلَى زَوْجٍ، فَإِنَّمَا تُحِدُّ عَلَيْهِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

Terjemahan: Tidak dihalaikan bagi seorang wanita yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk berkabung ke atas si mati melebihi tiga hari, melainkan ke atas (kematian) suaminya. Sesungguhnya, dia hendaklah berkabung ke atas suaminya itu selama empat bulan sepuluh hari.

[*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadis: 1280]

(Sumber: Siti Nuroni Mohamed, 2023)

Berdasarkan Jadual 7 (Kes 8), Zaynab RA telah mempamerkan etika penyucian perawi yang teguh dan bebas sepenuhnya daripada unsur persaingan. Semasa mendepani kemelut *ḥadīth al-ifk*, biarpun Zaynab RA merupakan saingan terdekat dan madu kepada ‘Aishah RA, beliau menolak untuk mengambil kesempatan. Beliau kekal murni dalam memberikan penyaksian yang jujur di hadapan Rasulullah SAW dengan menegaskan bahawa beliau tidak mengetahui tentang ‘Aishah RA melainkan perkara yang baik-baik sahaja (Al-Qurṭubī, 2006). Tindakan mengiktiraf kredibiliti pihak lawan ini menjulang piawai *‘adālah* ke tahap tertinggi dalam etika pengumpulan riwayat.

Prinsip integriti tanpa prejudis ini, seperti yang ditunjukkan pada Jadual 7 (Kes 9), turut diperkukuh oleh Ummu Ḥabībah RA yang bertindak menepis batasan emosi kekeluargaan demi mendidik masyarakat tentang keluhuran syarak. Sesudah pemergian bapa kandungnya, iaitu Abū Sufyān RA, beliau yang sepatutnya tenggelam dalam kesedihan, telah sengaja menyapu wangian pada tubuh sejurus masuknya hari ketiga selepas tempoh kematian. Tindakan fizikal ini bukan didorong oleh ketidakpedulian, sebaliknya merupakan pembuktian praktikal bagi menterjemahkan larangan sunnah untuk terus berkabung melebihi tempoh tiga hari melainkan bagi kematian suami (Al-‘Aynī, 2001). Perbuatan ini mengesahkan bahawa *Ummahāt al-Mu’minīn* meletakkan tanggungjawab memelihara kemurnian ajaran Islam melebihi sebarang kepentingan atau tragedi peribadi, lantas menjadikan mereka sumber perundangan yang paling berintegriti dalam sejarah Islam.

#### 4. Perbincangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperincikan pada bahagian sebelumnya, jelaslah bahawa kelima-lima kerangka metodologi kritikan hadis yang dipelopori oleh *Ummahāt al-Mu’minīn* membawa implikasi yang jauh lebih besar daripada sekadar proses saringan teks sejarah. Bahagian perbincangan ini akan mengupas dan mensintesis dapatan tersebut dari sudut pandang falsafah keilmuan Islam yang lebih luas. Perbahasan akan ditumpukan pada impaknya terhadap anjakan epistemologi periwayatan, dekonstruksi bias autoriti dalam dinamika sosial, kemuncak etika profesionalisme serta kelestarian instrumen pemeliharaan integriti fakta ini untuk diadaptasikan dalam wacana pengurusan dan pentadbiran kontemporari.

##### 4.1 Anjakan Epistemologi dalam Tradisi Periwayatan

Dapatan yang dibentangkan merungkaikan satu anjakan paradigma yang sangat signifikan dalam wacana keilmuan Islam, terutamanya berhubung dengan kerangka epistemologi periwayatan hadis. Analisis kritikal terhadap metodologi *Ummahāt al-Mu’minīn* membuktikan bahawa para isteri Rasulullah SAW telah melepasi sempadan fungsi tradisional yang sekadar meletakkan mereka sebagai ejen pemindahan teks. Sebaliknya, mereka bertindak selaku arkitek awal yang membina landasan kukuh bagi ilmu kritikan matan serta muncul sebagai pakar perintis dalam hal penilaian kredibiliti penyampai. Peralihan status daripada entiti pasif kepada pengkritik aktif ini menzahirkan sumbangan intelektual yang amat bernilai dalam fasa awal pembentukan sistem perundangan peradaban Islam (Muhsin, 2017).

Perkembangan ini turut membuktikan bahawa generasi awal pentadbir syariat tidak hanya memfokuskan kesinambungan rantaian sanad secara

fizikal, malahan memberikan penekanan yang seimbang terhadap kualiti teks yang disampaikan. Tindakan isteri-isteri Baginda SAW menapis setiap khabar yang diterima berjaya mengelakkan kecenderungan pemahaman agama secara literal yang sempit. Metodologi yang diwariskan oleh mereka ini telah menetapkan satu piawaian wacana akademik yang ketat. Menerusi piawaian ini, setiap maklumat perlu diuji kesahihannya melalui tapisan metodologi yang sistematik sebelum layak diangkat sebagai sumber rujukan perundangan yang muktamad (Tasbih & Abdullah, 2026).

Lebih daripada itu, anjakan epistemologi ini meletakkan asas yang kukuh kepada perlembagaan ilmu hadis yang lebih holistik pada kurun-kurun berikutnya. Tindakan *Ummahāt al-Mu'minīn* membedah dan mencerakin riwayat rakan sebaya mereka memberikan isyarat jelas bahawa proses semak dan imbang merupakan nadi utama dalam memelihara kesucian wahyu. Budaya pengesahan fakta yang begitu terperinci sejak abad pertama Hijrah ini membuktikan bahawa tradisi Islam terbina di atas paksi inkuiri saintifik yang sangat rasional, sekali gus menolak dakwaan orientalis yang sering melabel transmisi keagamaan awal Islam sebagai proses doktrinasasi secara taklid buta (Saputra, 2026).

#### **4.2 Pemeraksanaan Metodologi Rujukan Silang dan Rasionaliti Fiqh**

Sintesis terhadap interaksi keilmuan 'Aishah RA dan Ummu Salamah RA memperlihatkan wujudnya satu tahap autonomi intelektual yang sangat tinggi dalam kalangan ilmuwan wanita pada awal sejarah Islam. Tindakan berani mereka menjadikan al-Quran sebagai penanda aras tertinggi untuk menentusahkan keabsahan sesuatu khabar menzahirkan kematangan pemikiran analitikal yang melangkaui penurutan literal semata-mata. Metodologi rujukan silang bersandarkan teks wahyu secara tidak langsung telah menjadi instrumen paling ampuh bagi menapis riwayat yang berpotensi bercanggah dengan prinsip fitrah ketuhanan atau keluhuran akidah yang telah ditetapkan oleh nas yang lebih tinggi autoritinya (Putra, 2022).

Kecekapan mereka mengaplikasikan rasional *qiyās* serta logik akal yang terbimbing turut memberikan implikasi besar terhadap dinamika ilmu *uṣūl al-fiqh* merentas zaman. Hal ini memberikan indikasi jelas bahawa penerimaan sesuatu sunnah menuntut kejituan kefahaman fiqh yang selari dengan kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah* bagi menjamin kesejahteraan ummah. Tindakan menolak sesuatu riwayat atas dasar ketidakselarasan logik perundangan memastikan agar nas yang diaplikasikan sentiasa bertepatan dengan matlamat sebenar pensyariatan, iaitu untuk mendatangkan kemaslahatan komprehensif serta menolak sebarang bentuk kemudaratan (Wihidayati, & Yusefri, 2020).

Meskipun metodologi ‘Aishah RA diiktiraf sebagai pelopor kritikan matan, ia tidak sunyi daripada elemen *i'tirād* atau sanggahan oleh para ulama hadis terkemudian demi menjamin keobjektifan disiplin ilmu tersebut secara kolektif. Kritikan sarjana besar seperti Ibn Hajar al-'Asqalānī dan al-Nawawī tertumpu pada kecenderungan beliau yang adakalanya menolak hadis *thābit* berdasarkan percanggahan zahir dengan al-Quran atau logik akal (Maswara, 2017). Sebagai contoh, dalam isu azab mayat akibat tangisan keluarga, majoriti fuqaha dan muhaddithin termasuk al-Bukhārī, Muslim, Ibn Qutaybah, dan al-Bayhaqī, tidak menerima penolakan tersebut secara mutlak, sebaliknya mencadangkan mekanisme integrasi atau *al-jam'*. Melalui kaedah kompromi ini, hadis tersebut ditafsirkan khusus bagi mayat yang pernah berwasiat untuk ditangisi atau yang berbangga dengan budaya meratap mengikut tradisi Jahiliah, sekali gus mengharmonikan antara teks hadis dengan prinsip keadilan al-Quran.

Selain itu, para ulama turut menegaskan bahawa keterbatasan sudut pandang individu tidak seharusnya membatalkan kesahihan riwayat perawi lain yang menyaksikan sesuatu peristiwa secara langsung. Keberadaan sanggahan ilmiah ini sebenarnya tidak bertujuan untuk merendahkan autoriti intelektual *Ummahāt al-Mu'minīn*, sebaliknya mencerminkan dinamika ilmu hadis yang bersifat multidimensi dan inklusif. Keupayaan mereka mengharmonikan teks riwayat dan logik akal tetap memberikan formula penyelesaian yang tuntas terhadap isu percanggahan dalil dalam banyak situasi lain. Apabila berlakunya pertembungan antara riwayat umum dengan situasi khusus, *Ummahāt al-Mu'minīn* telah mempamerkan kemahiran kognitif dengan mengembalikan perbahasan kepada prinsip objektif perundangan tertinggi (Rehman, 2024).

Tuntasnya, proses *tarjih* antara metodologi kritikan isteri Nabi SAW dengan ulasan para sarjana kemudiannya membuktikan bahawa syariat Islam tidak bersifat jumud, malah merupakan satu sistem yang anjal dan sangat dinamik. Sistem ini sentiasa dipandu oleh metodologi pemikiran yang berupaya menjawab kemusykilan umat merentas peredaran zaman tanpa mengabaikan ketulenan sumber wahyu. Kesepaduan antara teks dengan akal yang diwariskan oleh para srikandi ini akhirnya membentuk sebuah ekosistem keilmuan yang holistik, yang melaluinya kebenaran dicapai menerusi ketelitian fakta, integriti penyampaian, dan kemurnian menaakul nas agama secara objektif.

#### ***4.3 Dekonstruksi Bias Jantina dan Autoriti Sosial Keilmuan***

Dari sudut dinamika sosial keilmuan, kajian ini berjaya membongkar kepincangan persepsi skeptikal pihak tertentu terhadap kapasiti kognitif dan ketegasan wanita dalam memelihara integriti agama. Kesediaan isteri-isteri

Nabi SAW seperti Ḥafṣah RA dan Ummu Ḥabībah RA untuk menegur secara terbuka sebarang kesilapan fakta tokoh sahabat lelaki telah menyeimbangkan naratif autoriti jantina dalam disiplin periwayatan (al-Nadwī, 2007). Teguran kritis yang dilontarkan ini membuktikan bahawa budaya intelektual Islam amat menghargai pandangan berasaskan kedalaman ilmu pengetahuan, berbanding dengan penguasaan sosial yang berpaksikan jantina semata-mata.

Penolakan secara berhemah terhadap ijhtihad para sahabat besar yang mempunyai reputasi tinggi turut membuktikan bahawa pertimbangan epistemologi Islam meletakkan standard kebenaran objektif mengatasi sentimen penghormatan peribadi. Amalan ini memperkukuh hujah bahawa nilai *'adālah* dalam tradisi keilmuan Islam bersifat sangat telus serta meminggirkan terus faktor kedudukan hierarki mahupun status politik individu. Sesiapa sahaja yang mempunyai autoriti ilmu, himpunan memori yang utuh, serta hujah yang berpaksikan syarak berhak diangkat sebagai sumber rujukan tertinggi oleh komuniti intelektual (Mutiuallah, 2023).

Pendekatan egalitarian (kesamarataan) dalam keilmuan ini secara falsafahnya telah merintis satu budaya pengurusan berasaskan kompetensi yang tulen dalam sejarah tamadun Islam. Ketegasan *Ṣaḥābiyyāt* dalam menuntut akauntabiliti intelektual membuktikan bahawa kelayakan untuk membicarakan soal hukum-hakam tidak diwarisi, sebaliknya dibuktikan melalui ketelusan fakta dan integriti hafalan (Putri, 2025). Prinsip keutamaan kompetensi ini merupakan satu instrumen penting yang wajar diadaptasi ke dalam kerangka pengurusan sumber manusia kontemporari. Melalui kerangka ini, kelayakan untuk menerajui sebarang institusi sosial atau pentadbiran haruslah bersandarkan merit kepakaran teknikal yang tidak boleh dikompromi.

#### ***4.4 Etika Profesionalisme dan Pemurnian Integriti Akademik***

Seterusnya, penelitian terhadap etika yang diamalkan oleh Zaynab RA membuktikan keutamaan konsep penyucian hati dan rasionaliti dalam kerjaya akademik Islam. Kemampuan beliau memisahkan pergeseran peribadi demi memberikan kesaksian murni terhadap pesaingnya merupakan kemuncak ketokohan dalam ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Hal ini bermakna, instrumen penilaian watak yang digagaskan oleh *Ṣaḥābiyyāt* berteraskan ketakwaan mutlak yang menolak sebarang campur tangan hawa nafsu dan sifat prejudis secara total (al-Zarkashī, 2001).

Integriti ini turut disokong melalui prinsip ketegasan memisahkan emosi kekeluargaan daripada pematuhan nas hukum, sebagaimana yang dipamerkan oleh Ummu Ḥabībah RA ketika tempoh perkabungan pemergian bapa kandungnya. Pengorbanan emosi yang ditonjolkan demi memelihara keluhuran syarak ini menghantar mesej yang kuat kepada generasi pengkaji terkemudian. Sikap prejudis, kepentingan peribadi, mahupun tali persaudaraan

tidak sama sekali diizinkan untuk mencampuri atau mewarnai urusan pengesahan maklumat syariat mahupun urusan pentadbiran hukum (Al-'Aynī, 2001).

Dari sudut psikologi dan kerohanian, tahap profesionalisme yang ditonjolkan ini memaparkan kemuncak penyucian jiwa yang disepadukan dengan kecerdasan minda. *Ummahāt al-Mu'minīn* membuktikan bahawa dalam tradisi epistemologi Islam, integriti akademik tidak boleh dipisahkan daripada keluhuran spiritual. Prinsip ketelusan ini secara proaktif menghalang sebarang bentuk eksploitasi ilmu mahupun manipulasi nas agama untuk tujuan peribadi, sekali gus menetapkan satu penanda aras moral yang wajib diteladani oleh semua penyelidik, pembuat fatwa dan pendidik pada masa kini (Syafii & Azhari, 2026).

#### ***4.5 Kelestarian Metodologi untuk Wacana Kontemporari***

Amalan rujukan silang, pengujian memori rentas masa, dan penapisan teks silang konteks merupakan manifestasi pematuhan ketat terhadap piawaian etika *tahqīq* pada peringkat yang paling optimum. Metodologi kritis yang diwariskan oleh kaum wanita ini menyumbang secara langsung kepada pemurnian warisan sunnah daripada sebarang anasir penyelewengan yang cuba merosakkan kemurnian risalah kenabian. Kesepaduan antara keluhuran budi pekerti dengan kecerdasan daya kognitif ini membolehkan himpunan sumber perundangan Islam terus utuh terpelihara merentas pelbagai pertembungan tamadun (Friyadi et al., 2024).

Impak kelestarian kerangka analitikal ini bukan sekadar menjamin ketulenan nas perundangan pada zaman pembukuan himpunan hadis peringkat awal, bahkan legasinya sangat signifikan untuk dimanfaatkan melepasi sempadan era modenisasi. Parameter penilaian bersistematik yang digariskan oleh *Ummahāt al-Mu'minīn* menyediakan rujukan garis panduan yang sangat pragmatik untuk barisan ahli akademik kontemporari. Metodologi agung ini berupaya menjadi kompas keilmuan bagi merungkai kemelut percanggahan teks perundangan dalam usaha untuk mendirikan fatwa serta hukum-hakam semasa yang terus relevan dengan tuntutan masyarakat majmuk (Yahya & Zainuddin, 2021).

Lebih daripada sekadar wacana tekstual, pemikiran kritis dan integriti metodologi yang dipelopori oleh tokoh *Ṣahābiyyāt* ini menawarkan paradigma yang holistik bagi menstrukturkan pentadbiran dasar awam. Etika penapisan maklumat, penetapan *Maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai matlamat penganalisan, serta kebertanggungjawaban dalam memelihara fakta amat relevan untuk diadaptasi ke dalam pelan strategi pembangunan negara, khususnya dalam memandu arah institusi keluarga dan sosial yang mampan (Dzulraidi, 2023). Ringkasnya, legasi wacana ini membekalkan ekosistem pemikiran yang kukuh

bagi memastikan agenda kemajuan ummah dipandu oleh neraca nilai keislaman yang teguh, kompeten dan bersifat kalis zaman (Ismail & Baharuddin, 2021).

## 5. Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa *Ummahāt al-Mu'minīn* bukan sekadar perawi pasif dalam tradisi keilmuan Islam, sebaliknya merupakan arkitek awal yang membina landasan epistemologi kritikan hadis jauh sebelum proses kodifikasi formal berlaku. Secara konseptual, kajian ini mencadangkan bahawa ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* perlu difahami sebagai disiplin yang telah berakar dalam praksis sahabat sejak abad pertama Hijrah, bukan semata-mata produk ulama muta'akhirīn. Anjakan konseptual ini membawa implikasi langsung terhadap dua perubahan dalam disiplin ilmu hadis: pertama, kerangka *'ilm al-rijāl* perlu dikaji lebih mendalam dengan mengiktiraf autoriti metodologi perawi wanita sebagai komponen yang tidak terpisah daripada sejarah pembinaan ilmu tersebut; dan kedua, historiografi hadis arus perdana perlu distrukturkan dengan lebih jelas bagi menangani bias epistemik yang selama ini meminggirkan sumbangan intelektual *Ṣaḥābiyyāt*. Kajian lanjutan disyorkan agar meluaskan skop analisis kepada korpus perawi wanita merentasi abad kedua dan ketiga Hijrah, serta mengkaji secara perbandingan metodologi kritikan hadis *Ṣaḥābiyyāt* dengan metodologi yang digunakan oleh para *tābi'īyyāt*, bagi memperoleh gambaran yang lebih komprehensif tentang sumbangan wanita dalam pembinaan disiplin ilmu hadis secara keseluruhannya.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) atas kelulusan peruntukan kewangan bagi menjayakan kajian ini. Penyelidikan ini telah mendapat pembiayaan di bawah Geran Penyelidikan KIAS dengan nombor rujukan kod penyelidikan KIAS/40312/KRG25/048.

## Sumbangan Pengarang

Konsep, idea asal dan penghasilan draf manuskrip, Siti Nuroni Mohamed. Pengumpulan data kepustakaan dan kajian literatur, Sabirin Yusoff dan Siti Nurwanis. Metodologi dan penyusunan data Nur Aina Mardhiah Che Rahim. Semakan gaya bahasa dan penyusunan sumber rujukan Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail dan Kamariah Abd Rahman. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

**Rujukan**

- Abdullah, A., Jabar, M. A. A., Mustapha, N. F., & Toklubok, P. (2017). Menelusuri daya tahan wanita Islam generasi awal bagi mencapai keunggulan melalui analisis wacana hadis nabawi. *Sains Humanika*, 9(1-5), 19-27.
- Al-'Alamī, K. M. H. (2002). *Manhaj ummahāt al-mu'minīn fī al-da'wah ilā Allāh* (Cet. ke-1). Maktabah Dār al-Zamān.
- Al-'Aynī, B. A. D. (2001). *'Umdat al-qārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (A. Maḥmūd, Ed.). Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiyy.
- Al-Dhahabī, M. A. 'U. Q. (2003). *Tārīkh al-Islām wa-wafayāt al-mashāhīr wa-al-a'lām* (Cet. ke-1). Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Mizzī, Y. 'A. Y. (1983). *Tuḥfat al-ashrāf bi-ma'rifat al-aṭrāf* (Cet. ke-2). Al-Maktab al-Islāmī.
- Al-Nawawi, A. Z. Y. S. (1997). *Sahih Muslim bi syarh al-Nawawi* (M. D. al-Bugha, Ed.; Cet. 1). Dar al-'Ulum al-'Insaniyyah.
- Al-Qurtubi, A. M. (2006). *Al-jāmi' li ahkām al-Qur'an*. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Subki, T. D. 'A. W. (1992). *Ṭabaqāt al-Shāfi'iyyah al-kubrā* (Cet. ke-2). Hajar lil-Ṭibā'ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī'.
- Al-Zarkashī, M. A. A. B. (2001). *Al-ijabah lima istadrakat 'A'ishah 'ala al-sahabah*. Maktabah al-Khanji.
- Anwar, L. (2023). Eksistensi istri-istri Rasulullah dalam periwayatan hadis. *Al Yasini: Jurnal Keislaman, Sosial, Hukum dan Pendidikan*, 8(2), 342.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (Edisi ke-4). SAGE Publications.
- Dzulraidi, D. H., Ithnin, N. K. M., & Suliaman, I. (2023). Maqāṣid al-sunnah dalam kerangka maqāṣid al-sharī'ah: Analisis konseptual. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 125-134.
- Fawzi, J. R. (2001). *Al-Sayyidah 'A'ishah wa tawthiquha li al-sunnah* (Ed. ke-1). Maktabah al-Khanji.
- Friyadi, A., Masruri, M., Abdillah, A., Fatah, A., & Sadili, I. (2024). Exploring female hadith transmitters: A gender perspective as a modern women's history lesson through intelligent ṣaḥabiyyāt. *Sawwa: Jurnal Studi Gender*, 19(1), 145-168.
- Ginting, E., Akbar, A. K., Srg, M. A., & Hasim, U. (2024). Peran wanita dalam pengumpulan dan penyebaran hadis. *AL-MIKRAJ Jurnal Studi Islam dan Humaniora*, 5(1), 115-126.
- Hamisan, N. S. (2019). Al-Muhaddithat: The women scholars in Islam: By Mohammad Akram Nadwi [Ulasan buku]. *Ulum Islamiyyah*, 27, 67-75.
- Hamisan, N. S., & Khosim, N. (2022). Menelusuri aspek pembangunan insan berteraskan ketokohan muḥaddithāt pada zaman Nabi SAW. Dalam *Prosiding International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM Ke-8*, 87-100.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. A. M. A. (1989). *Nuzhat al-albab fī al-alqab* (Ed. ke-1). Maktabah al-Rushd.
- Ibrāhīm, S. M. (2007). *Al-durrah al-laṭīfah fī al-ansāb al-sharīfah* (Cet. ke-1). Mabarrat al-Āl wa-al-Aṣḥāb.
- Imaduddin, M., & Akbar, M. K. H. (2023). Teori dan metodologi sanad hadis: Kajian jarḥ wa ta'dīl. *Journal of Hadith Studies*, 6(2), 154-170.

- Iskandar, M. (2015). *Kredibilitas perawi wanita kajian terhadap para perawi wanita dalam kitab al-Mujam al-Kabir karangan Imam at-Thabarani*. Institut Ilmu Al-Quran (IIQ) Jakarta.
- Iskandar, M. (2024). *Biografi perawi hadis wanita abad ke-1 sampai pertengahan abad ke-4 Hijriah: Kajian terhadap para perawi wanita dalam kitab al-Mu'jam al-Kabir karangan Imam at-Thabarānī*. CV Jejak.
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2021). Prinsip ketelitian dalam pengeluaran fatwa: Preciseness principle in fatwa issuance. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 360–367.
- Izzan, H. A. (2012). *Studi takhrij hadis: Kajian tentang metodologi takhrij dan kegiatan penelitian hadis*. Tafakur.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology*. SAGE Publications.
- Maswara, H. (2017). Kritik matan hadis di kalangan sahabat. *Tahkim*, 9(2), 145-173.
- Mohamed, S. N. (2023). *Dawr al-mar'ah fī riwāyat al-ḥadīth (al-Sunan al-arba'ah unamūdhajan)* [Tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah].
- Mohd Yusoff, A. Z. S., & Ahmad, K. (2021). Hadith tentang 10 golongan manusia dalam Kitab Jawi Jawahir: Analisis riwayat dan dirayah. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(1), 41-64.
- Muheji, M. M. M., Idris, M. D. I., & Ibrahim, M. N. A. (2025). Memahami kedudukan sunnah melalui perspektif al-Quran dalam konteks kontemporari Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8(32), 86–99.
- Muhsin, M. (2017). *Studi kritik matan hadis*. Penerbit A-Empat.
- Mutiullah, M. (2023). Rectifying the understanding against the concept of 'adalah al-sahabah. *Al'Adalah*, 26(1), 145–154.
- Nadwī, M. A. (2007). *Al-Muḥaddithāt: The women scholars in Islam*. Interface Publications.
- Omar, H., Mutalib, M. F. M. A., Ahmad, W. F. R. W., Ahmad, M. H. A. S., & Asari, M. A. (2023). Metodologi mubadalah dalam hadis: Satu sorotan awal. *Isu-Isu Kontemporari dalam Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah (Siri 4)*, 56.
- Putra, A. (2022). The Prophet's household problems and the solving method in hadith. *AJIS: Academic Journal of Islamic Studies*, 7, 1-26.
- Putri, A. L. (2025). Pendidikan emansipatori dalam perspektif Sayyidah Aishah: Kontribusi wacana gender Islam kontemporer. *Al-Ibrah: Jurnal Pendidikan dan Keilmuan Islam*, 10(1), 105–124.
- Rehman, S. (2024). *Gendering the Ḥadīth tradition: Recentering the authority of Aisha, Mother of the Believers*. Oxford University Press.
- Saputra, A. (2026). History of hadith codification in the time of the Prophet, Sahabat, and Tabi'in in maintaining the authority of the sunnah. *Jurnal Dialektika: Jurnal Ilmu Sosial*, 24(1), 174–185.
- Syafii, H., & Azhari, H. (2026). Spiritual intelligence and metacognitive development in Islamic education philosophy. *Hierophany: Journal of Islamic Religious Education*, 1(1), 59–77.
- Tasbih, M., & Abdullah, Z. (2026). Kajian metodologi kritik sanad dalam tradisi ilmu hadis. *Al-Iftah: Jurnal Tafsir Al-Qur'an dan Hadist*, 2(1), 1–10.
- Wihidayati, S., & Yusefri, Y. (2020). Kecenderungan 'Aisyah RA dalam istinbāth hadis-hadis ahkām. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 4(2), 405–426.
- Yaacob, M. S. (2025). Pendekatan ijtihad dalam penentuan hukum Islam kontemporari. *AHKAMICA*, 1(1), 97–114.

- Yahya, A., & Zainuddin, M. (2021). The interpretation of the hadith on the characteristics of women and its implications for Islamic law. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 5(1), 276–296.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (Edisi ke-6). SAGE Publications.
- Zuadah, A. S. (2023). Peran perempuan dalam meriwayatkan hadits: Studi pustaka atas Aisyah ra binti Abu Bakar. *Gunung Djati Conference Series*, 24, 404–418.